

13/08/2003

Swaziland tunggu pelabur Malaysia

Mahfar Ali

EZULWINI: Swaziland yang menjadi tuan rumah Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID)-Global 2003 bermula hari ini, mempelawa syarikat Malaysia melabur dalam industri teknologi baru serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negara itu.

Menteri Perancangan dan Pembangunan Ekonominya, Putera Guduza, berkata negaranya kini berusaha menarik lebih ramai pelabur asing termasuk dari beberapa negara Asia seperti Malaysia, Indonesia dan Thailand.

"Pada masa ini, pelaburan Malaysia di Swaziland dan perdagangan kedua-dua negara masih kecil," katanya ketika ditemui wartawan Malaysia di sini, semalam.

Guduza, yang juga adik Raja Swaziland, Raja Mswati III, berkata negaranya yang mempunyai kira-kira 1.1 juta penduduk dengan keluasan 17,360 kilometer persegi, berminat membangunkan bidang teknologi baru dan PKS kerana kedua-dua sektor itu tidak memerlukan tenaga kerja ramai, malah memberi pulangan lebih cepat.

"Kami menawarkan pelbagai insentif cukai dan subsidi kos pembinaan kilang. Kestabilan negara kami juga satu insentif untuk pelabur," katanya, yang turut menjelaskan bahawa Swaziland kini bersedia sepenuhnya bagi mengendalikan SAID-Global 2003, pertemuan antarabangsa terbesar yang pernah dianjurkan di negara ini.

Lebih 600 perwakilan termasuk ketua negara, pegawai kerajaan dan ahli perniagaan akan menghadiri dialog lima hari itu di sini, kawasan lembah yang terletak kira-kira empat kilometer dari Mbabane, ibu negara Swaziland.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mengetuai delegasi Malaysia, dijangka tiba pagi ini bersama isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan diberi penghormatan menyampaikan ucap tama selepas ucapan aluan Raja Swaziland, Raja Mswati III, pada pembukaan dialog itu.

Ini adalah kunjungan pertama Perdana Menteri ke Swaziland. Delegasi Perdana Menteri turut disertai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting, Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid dan 27 wakil swasta termasuk Pengerusi Tenaga Nasional Berhad, Datuk Dr Awang Adek Hussin dan Ketua Eksekutif Telekom Malaysia Berhad, Datuk Dr Md Khir Abdul Rahman.

Selain Malaysia dan tuan rumah Swaziland, dialog yang bertema 'Memperkuatkan Identiti dan Kemajuan Pembangunan Menerusi Perkongsian Pintar' itu, turut disertai beberapa negara lain termasuk Namibia, Afrika Selatan, Rwanda, Sudan, Zimbabwe, Burundi, Ghana, Uganda, Nigeria, Malta dan Mozambique.

Guduza berkata, negaranya menaruh harapan besar dan yakin SAID-Global 2003 dapat dimanfaatkan semua negara dalam situasi sama-sama menang.

Malah, katanya, SAID-Global 2003 akan dijadikan platform untuk mempromosikan industri pelancongan di Swaziland.

"Kita kini dalam proses membangunkan infrastruktur industri pelancongan, termasuk membina lapangan terbang antarabangsa yang lebih besar, hotel bertaraf empat dan lima bintang serta pusat hiburan dan perdagangan," katanya.

Ditanya kemungkinan Aids dan HIV, yang kini menjadi ancaman penduduk di rantau ini, akan menjejaskan usaha negara itu untuk memajukan industri pelancongan, beliau mengakui Swaziland turut berhadapan krisis itu, tetapi yakin penyakit itu dapat dikawal dengan bantuan badan antarabangsa serta

kempen yang dilancarkan kerajaan.

"Kita juga akan menerbitkan album dengan kerjasama artis antarabangsa dalam usaha mengumpul dana bagi memerangi Aids," katanya.

Guduzu bagaimanapun menjelaskan, ancaman Aids di Swaziland tidaklah seburuk seperti digambarkan dalam laporan sebuah agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), yang mendakwa setiap tiga penduduk di negara ini dijangkiti penyakit itu.

Mengenai amalan yang membenarkan lelaki Swaziland mempunyai ramai isteri, beliau berkata tradisi itu sudah menjadi sebahagian hidup rakyat, tetapi isteri bebas meninggalkan suami yang berkahwin lain.

"(Di sini) tiada perkahwinan paksa. Malah, rakyat bebas memilih sama ada untuk berkahwin mengikut amalan tradisi atau Barat. Perkahwinan cara Barat tidak membenarkan lelaki berkahwin lain, kecuali isteri pertama diceraikan," katanya.